

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2025

JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR



**BAHAGIAN
PERKHIDMATAN
PERBANDARAN**

**BAHAGIAN
KESIHATAN
AWAM**

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAAN

1

Program Pengumpulan Barangan E-Waste, Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai

2

Program Pendidikan Alam Sekitar

3

Majlis Peluncuran Pertandingan Kitar Semula (PERKISS)

4

Pertandingan Reka Cipta Rak Buku daripada Sumber Plastik

5

Program Beach Plogging

6

Program Pemutihan Sisa Pukal

7

Perjumpaan bersama JPKK

8

Lawatan ke Tapak Pelupusan Sanitari

PROGRAM E-WASTE / BARANGAN TERPAKAI DAN MINYAK MASAK TERPAKAI

Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) telah menubuhkan Pusat Pengumpulan E-Waste pada 24 Oktober 2020 yang beroperasi di premis G-18, Binjai Souq sebagai salah satu inisiatif berterusan dalam memperkukuh pengurusan sisa pepejal secara lebih sistematik, mampan dan mesra alam di Daerah Kemaman. Penubuhan pusat ini bertujuan menyediakan saluran pelupusan yang sah dan selamat kepada masyarakat bagi menguruskan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak atau tidak lagi digunakan, di samping mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar akibat pembuangan secara tidak terkawal.

Antara barangan elektrik dan elektronik (e-waste) yang diterima di pusat ini termasuk peti sejuk, kipas siling dan kipas kaki, televisyen, komputer riba, pencetak, oven, ketuhar gelombang mikro (microwave), periuk nasi, seterika, telefon bimbit serta bateri kereta. Selain itu, pusat ini turut menerima minyak masak terpakai yang dikumpulkan daripada isi rumah dan premis makanan. Pengumpulan minyak masak terpakai ini amat penting bagi mengelakkan pembuangan ke dalam sistem perparitan yang boleh menyebabkan saluran tersumbat serta mencemarkan sumber air.

Bagi barangan kitar semula pula, MPK menerima bahan seperti plastik, kertas, besi dan kotak yang berpotensi untuk diproses semula. Penerimaan pelbagai kategori barangan ini bertujuan memupuk budaya pengasingan sisa di punca dalam kalangan masyarakat serta menyokong pelaksanaan amalan 3R (Reduce, Reuse, Recycle). Inisiatif ini juga membantu mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, sekali gus memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada.

Dari segi kaedah pelaksanaan, program ini dijalankan melalui dua pendekatan utama. Pertama, operasi tetap di Pusat Pengumpulan E-Waste dan Kitar Semula yang beroperasi di G-18 Binjai Souq dan dibuka pada setiap minggu kedua dan minggu keempat setiap bulan. Operasi berkala ini memberi peluang kepada penduduk setempat untuk merancang penghantaran barangan mereka secara lebih teratur dan konsisten.

Kedua, pelaksanaan kaedah Pandu Lalu (Drive Thru) yang diadakan di beberapa lokasi tumpuan ramai sekitar Daerah Kemaman. Kaedah ini diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai menghantar barangan e-waste, barangan kitar semula dan minyak masak terpakai tanpa perlu turun

dari kenderaan. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah meningkatkan kadar penyertaan masyarakat kerana lebih praktikal dan mesra pengguna.

Secara keseluruhannya, Program E-Waste, Barangan Terpakai dan Minyak Masak Terpakai ini merupakan satu langkah proaktif oleh MPK dalam memperkukuhkan kesedaran awam terhadap kepentingan pelupusan sisa secara bertanggungjawab. Program ini bukan sahaja menyumbang kepada kebersihan dan kelestarian alam sekitar, malah memperlihatkan komitmen berterusan pihak berkuasa tempatan dalam menyokong agenda pembangunan mampan serta kesejahteraan komuniti di Daerah Kemaman.

Program-program yang telah dianjurkan sepanjang 2025 adalah sebagaimana berikut:-

BIL	TARIKH	LOKASI
1	11.01.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
2	25.01.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
3	6.02.2025	Pengumpulan Pakaian Terpakai dengan Kerjasama EPIC Sdn Bhd
4	8.02.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
5	20.02.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Majlis Perbandaran Kemaman
6	12.04.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
7	10.05.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
8	17.05.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Dewan Sivik Kertih
9	24.05.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
10	14.06.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
11	17.06.2025	Pembelian E-waste dengan Kerjasama EPIC Berhad
12	28.06.2025	Program Pembelian E-waste,Kitar Semula dan Minyak Masak Trepakai di Taman Awam Awam Koperasi Perdana
13	12.07.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
14	17.07.2025	Program Pengumpulan Ewaste ,Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Kertih Terminal Sdn Bhd dan Syarikat Awie Metal
15	27.07.2025	Program Pengumpulan Ewaste ,Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Sek Mak Lagam
16	27.07.2025	Pembelian Tetra Pax di Sekolah Seberang Tayor

17	9.08.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
18	14.08.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Majlis Perbandaran Kemaman
19	23.08.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
20	10.09.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
21	27.09.2025	Hari Cuci Malaysia 2025 – Daerah Kemaman
22	4.10.2025	Pembelian Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Syarikat Chemsain Sdn Bhd dan Awie Metal Sdn Bhd
23	25.10.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
24	15.11.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
25	20.11.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Majlis Perbandaran Kemaman
26	13.11.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
27	29.11.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq
28	13.12.2025	Pusat Pengumpulan Ewaste , Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Binjai Souq

**PROGRAM KOLABRASI BERSAMA SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENJALANKAN
PENGUMPULAN BARANGAN KITAR SEMULA**

BIL	TARIKH	SEKOLAH	JUMLAH (KG)
1	16.01.2025	Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang	758
2	25.05.2025	Sekolah Menengah Kebangsaan Kijal	1,000
3	23.08.2025	Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok	860
4	20.11.2025	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chukai	1,740
		JUMLAH	4,358

PENGUMPULAN KACA DI 3R CHUKAI

BIL	TARIKH	LOKASI	JUMLAH (KG)
1	12.11.2025	3R Chukai, Jalan Feri Lama	1,255.86
		JUMLAH	1,255.86

PAKAIAN TERPAKAI

JUMLAH KESELURUHAN KUANTITI MENGIKUT TAHUN	
TAHUN	KUANTITI (KG)
2023	12,714.00
2024	16,597.00
2025	15,096.00

RINGKASAN BERAT MENGIKUT KOTEGORI

PERKARA/BULAN	EWASTE (KG)	MINYAK MASAK (KG)	BARANGAN KITAR SEMULA (KG)	BARANGAN KACA (KG)	PAKAIAN TERPAKAI (KG)
JANUARI	1,865.57	1,121.11	4,401.56	0	9,916
FEBRUARI	1,971.29	1,115.96	4,837.66	0	
MAC	26.64	30.97	508.57	0	
APRIL	1,036.87	624.17	3,023.4	0	
MEI	4,362.00	2,019.19	5,567.33	0	
JUN	2,130.89	1,123.15	1,757.34	0	5,180
JULAI	952.28	336.87	1,141.55	0	
OGOS	3,458.03	1,295.67	4,665.62	0	
SEPTEMBER	910.45	1,520.28	2,057.21	0	
OKTOBER	2,935.00	937.00	3,171.00	0	
NOVEMBER	1,370.87	919.93	5,177.55	1,255.86	0
DISEMBER	578.84	302.49	2,026.59	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	21,598.73	11,346.79	38,335.38	1,255.86	15,096.00

LAMPIRAN

1. PUSAT PENGUMPULAN E-WASTE DI BINJAI SOUQ

Pusat pengumpulan E-Waste di Binjai Souq beroperasi pada minggu ke-2 dan minggu ke-4 setiap bulan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi bagi memudahkan orang ramai menghantar barangan elektrik dan elektronik terpakai untuk dilupuskan dengan cara yang betul. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan anggaran 70 hingga 80 orang pelanggan hadir bagi setiap sesi operasi, manakala jumlah kutipan direkodkan melebihi 1.2 tan, sekali gus menunjukkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar.



2. Program "Trash to Cash dan "Free Market" di Dewan Sivik Kertih

Program "Trash to Cash" dan "FreeMarket" telah dianjurkan oleh Pusat Pengumpulan E-Waste Kemaman dengan kerjasama **INEOS PCG Acetyls Sdn Bhd**, Geng Plastik Ija dan Asnaf Care pada 17 Mei 2025 (Sabtu), jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di **Dewan Sivik Kerteh**. Program ini bertujuan memupuk kesedaran alam sekitar serta menggalakkan amalan pengurusan sisa secara bertanggungjawab dalam kalangan komuniti. Melalui inisiatif "Trash to Cash", peserta berpeluang menukar barangan kitar semula seperti botol plastik, kertas, buku terpakai, minyak masak terpakai dan barangan elektronik (e-waste) kepada wang tunai mengikut harga pasaran semasa, manakala "FreeMarket" menawarkan barangan terpakai yang masih elok seperti pakaian, kasut, pinggan mangkuk dan mainan secara percuma dengan konsep "ambil apa yang perlu, beri apa yang mampu". Program ini berjaya mengumpulkan sebanyak 4.5 tan barangan kitar semula dan e-waste dengan penyertaan seramai 159 orang penghantar.

Sabtu, 17hb Mei 2025
Belakang Dewan Sivik Kerteh
8:30 pagi - 12:30 tengah hari

JOM RECYCLE
Tukar Sampah Anda Jadi Duit

Barangan Elektronik / Elektrik	Barangan Elektronik / Elektrik		
Botol Plastik	RM 0.50 / kg	Bateri UPS	RM 0.20 / kg
Kertas Kaki	RM 0.40 / kg	Bateri Kerosa	RM 0.00 / kg
Kertas Giling	RM 0.60 / kg	Scanlight	RM 0.00 / kg
Mainan Elektronik	RM 0.50 / kg	Laptop	RM 0.40 / kg
Mainan Boleh	RM 0.40 / kg	Komputer	RM 0.40 / kg
Kesand (Internal/External Unit)	RM 0.00 / kg	Perak Nesi / Dens / Microwave	RM 0.40 / kg
Kesand (Pihak ARI)	RM 0.40 / kg		
CPU / Monitor / Speaker / Papan	RM 0.40 / kg	Barang Kitar Semula	
Wayar Kaki	RM 2.00 / kg	Minyak Masak Terpakai	RM 2.00 / kg
TV	RM 0.40 / kg	Karton	RM 0.15 / kg
Salutan Simbah	RM 0.40 / kg	Kapak	RM 0.30 / kg
		Plastik / Karusi Plastik	RM 0.40 / kg

ANJURAN BERSAMA : **INEOS PCG ACETYS** **go!** **Waste**

DENGAN KERJASAMA : **Asnaf Metal Sdn Bhd** **Sally Global Enterprise**



MASUK PERCUMA

SEMUA PERCUMA
Ambil Jika Perlu

PASAR PERCUMA

DEWAN SIVIK KERTIH
SABTU, 17HB MEI 2025
9:30 PAGI - 12.30 TENGAH HARI



BAWA BEG SENDIRI

Anda ingin turut serta berkongsi barangan anda? Sila Hubungi:

Kertih/Kemasik
Salmah Muda (019-9471996)
Paka
Aliza Talib (012-7839557)
Chukai
Dalina (019-9536959)
Kijal
Shamni (019-9806351)

ANJURAN BERSAMA : INEOS PCG **gpi**

DENGAN KERJASAMA : 

3. Pembelian E-waste dengan Kerjasama Epic Berhad

Aktiviti Pengumpulan Barangan E-Waste, Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai anjuran bersama Pusat e-Waste Kemaman dan EPIC Berhad telah diadakan pada 17 Jun 2025 (Selasa), jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, bertempat di perkarangan tempat letak kereta EPIC Berhad. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sisa secara lestari serta menggalakkan penghantaran e-waste, bahan kitar semula dan minyak masak terpakai melalui saluran yang sah dan selamat.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pengumpulan barangan elektrik dan elektronik terpakai (e-waste), bahan kitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium, serta pengumpulan minyak masak terpakai untuk diproses semula. Program ini berjaya mengumpulkan sebanyak 0.5 tan kutipan gabungan dengan penyertaan seramai 15 orang penyumbang. Kejayaan ini sekali gus menunjukkan sokongan positif komuniti terhadap inisiatif kelestarian alam sekitar yang dilaksanakan.

EPIC GO GREEN 2.0 X NTW 2025 HR WEEK
KEMPEN KITAR SEMULA
17 Jun 2025, 9.00 Pagi - 3.00 Petang

Minyak Masak Terpakai Akan Dibeli Dengan Harga: RM 2/KG

9.00 Pagi - 12.00 Tengah hari (Waktu Kutipan)	12.00 Tengah hari - 2.00 Petang (Rebat)	2.00 Petang - 3.00 Petang (Waktu Kutipan & Berurai)
---	---	---

Minyak Masak Terpakai • Kotak • Plastik • Aluminium • Kertas

LOKASI: KAWASAN PARKIR LORI
berdekatan simpang 4 menghala ke pejabat EPIC Berhad

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:
epic@epicgroup.com.my
09-860 2292

Inisiatif daripada Jabatan Perancangan Strategik & Kelestarian, EPIC Berhad dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kemaman (MPK)



4. Program e-waste di Taman Awam Koperasi Perdana

Fiesta Komuniti Air Putih Membangun 2025 di bawah Program Kemampunan Komuniti Bandar (PKKB) telah diadakan pada 28 Jun 2025 di Taman Koperasi Perdana, Binjai dan dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan antara majlis dan komuniti serta meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk pameran, jualan dan pembelian e-waste, Free Market, aktiviti kanak-kanak serta sukaneka rakyat. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif dengan penyertaan aktif komuniti setempat.

PROGRAM KEMAMPUAN KOMUNITI BANDAR (PKKB)

Fiesta Komuniti
AIR PUTIH MEMBANGUN
2025

PELBAGAI AKTIVITI MENARIK
Menanti Anda!

- Program e-Waste / Free Market
- Pertandingan Recycle Food Challenge
- Cabut & Menangi
- Pertandingan Mewarna
- Bola jaring
- Sepakan penalti
- Boling tin/kelapa/tubang

Pameran:
• Potting Tea
• Pengurangan Kompaun/ K-Park

28 JUN 2025 (SABTU) | 7:30 PAGI
PADANG TAMAN KOPERASI PERDANA



5. Program Pembelian Barangan E-Waste, Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di CHEMSAIN SDN BHD dan AWIE METAL SDN BHD

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (BEE) 2025 merupakan inisiatif Majlis Perbandaran Kemaman dalam menyokong pengurusan sisa pepejal bersepadu serta konsep "Kemaman Bersih, Hijau dan Lestari" dengan menggalakkan masyarakat melupuskan barangan elektrik dan elektronik secara betul dan mesra alam. Program yang diadakan pada 4 Oktober 2025 (Sabtu) dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di hadapan Pejabat CHEMSAIN Sdn. Bhd. ini dilaksanakan dengan kerjasama CHEMSAIN Sdn. Bhd. dan AWIE METAL Sdn. Bhd., melibatkan aktiviti pengumpulan pelbagai barangan e-waste seperti televisyen, komputer, mesin basuh dan peralatan elektrik terpakai, kaunter pendaftaran dan saringan, penerangan kesedaran serta proses timbangan sebelum dilupus atau dikitar semula oleh pihak berlesen. Sepanjang empat jam program berlangsung, sebanyak 4.3 tan bahan berjaya dikumpulkan dengan penyertaan kira-kira 120 orang penduduk, sekali gus meningkatkan kesedaran tentang pelupusan e-waste secara bertanggungjawab, mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar dan mengukuhkan kerjasama antara pihak majlis, sektor swasta dan komuniti.





6. Program Cuci Malaysia 2025 : Program Pembersihan Mega Bersempena WORLD CLEAN UP DAY 2025

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menganjurkan Hari Cuci Malaysia iaitu Program Mega Pembersihan bersempena World Clean Up Day 2025 bagi meningkatkan kesedaran tindakan pembersihan awam dalam kalangan segenap lapisan masyarakat.

Program mega ini berkonsepkan pelaksanaan gotong-royong secara serentak yang meliputi skop pembersihan kawasan sekitar, pembersihan dan penutupan tapak sampah haram, pelaksanaan kempen kitar semula serta kesedaran terhadap pengurangan penggunaan plastik sekali guna.

Melalui program ini, KPKT menyasarkan pelaksanaan berskala besar dan serentak di seluruh negara yang berpotensi mencipta rekod baharu dalam The Malaysia Book of Records bagi kriteria jumlah penyertaan teramai, jumlah kutipan sisa pepejal terbanyak, mobilisasi aset terbesar serta tempoh pelaksanaan gotong-royong terpanjang menerusi pelaksanaan selama 12 jam secara serentak di seluruh negara.

Majlis Pelancaran Program Cuci Malaysia akan diadakan serentak dengan Program Pembersihan Mega sempena World Clean Up Day 2025 pada 27 September 2025 bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang, dengan kehadiran seramai 541 orang yang terdiri daripada dif jemputan, penduduk setempat, JPKK kampung-kampung terlibat, kumpulan belia, komuniti setempat, NGO, kakitangan kerajaan dan lain-lain, manakala pendaftaran kehadiran dilaksanakan melalui imbasan kod QR yang disediakan oleh pihak KPKT serta secara manual oleh pihak majlis.



AKTIVITI PEMBERSIHAN YANG DIJALANKAN PADA HARI CUCI MALAYSIA.

LOKASI : PANTAI TELOK KALONG





LOKASI : PUSAT E WASTE KEMAMAN, BINJAI





7. Pembelian Barangan E-waste ,Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai di Majlis Perbandaran Kemaman

Pada 14 Ogos 2025, Program Pembelian Barangan E-Waste, Barangan Kitar Semula dan Minyak Masak Terpakai sempena Bulan Kemerdekaan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga Kemaman. Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 74 orang pengunjung dan merekodkan kutipan keseluruhan sebanyak 2.5 tan barangan, sekali gus mencerminkan tahap kesedaran dan komitmen masyarakat terhadap amalan kitar semula serta pemeliharaan alam sekitar yang semakin positif.







8. Program Pengumpulan Barangan Ewaste Bersama Kertih Terminal Sdn Bhd

Program Pengumpulan Barangan E-Waste bersama Kertih Terminals Sdn. Bhd. dan Syarikat Awie Metal Sdn. Bhd. yang telah diadakan pada 17 Julai 2025 menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada kakitangan KTSB. Penyertaan aktif ini mencerminkan komitmen tinggi warga kerja dalam menyokong usaha pelupusan barangan e-waste secara bertanggungjawab dan mengikut saluran yang betul, sekali gus memperkukuhkan amalan pengurusan sisa elektronik yang selamat serta mesra alam di peringkat organisasi.





9. Program E-waste Bersama Tadika Yayasan Islam Chukai

Program E-Waste bersama Tadika Yayasan Islam Chukai yang telah diadakan pada 7 Mei 2025 merupakan satu inisiatif pendidikan awal yang amat bermakna dalam memupuk kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar sejak usia kanak-kanak. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pengurusan, guru-guru serta ibu bapa, di samping penyertaan aktif murid-murid yang teruja untuk menyumbang barangan e-waste dari rumah. Pelaksanaan program ini bukan sahaja berjaya menggalakkan amalan pengasingan sisa di punca, malah turut memberi pendedahan awal kepada generasi muda mengenai kaedah pelupusan barangan elektronik secara betul dan selamat, selaras dengan usaha membudayakan amalan kitar semula dalam komuniti setempat.





PROGRAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KUANG

Maklumat Program

Tarikh : 16 Julai 2025

PENDAHULUAN

Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah amat penting dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle. Pendidikan ini menekankan pendekatan pembelajaran yang interaktif seperti bermain sambil belajar serta memberi pendedahan secara langsung kepada murid-murid mengenai kepentingan kitar semula.

Murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah telah diberi pendedahan awal melalui aktiviti pembelajaran, khususnya dalam mata pelajaran sains. Melalui pendekatan ini, murid dapat mengembangkan kreativiti mereka dengan menghasilkan produk daripada barangan kitar semula hasil daripada pembelajaran tersebut.

OBJEKTIF PROGRAM

- Mendedahkan dan meningkatkan kefahaman pelajar mengenai kepentingan memelihara alam sekitar melalui aktiviti taklimat, kuiz dan sesi soal jawab.
- Membantu pelajar memahami tanggungjawab mereka dalam menjaga alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup lestari dan menjadi contoh (ikon) kepada masyarakat.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- Taklimat Berkaitan Sisa Pepejal dan Kitar Semula
- Ceramah telah disampaikan oleh Pn. Siti Rahayu binti Mamat, Pegawai Kesihatan Persekitaran daripada Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS).
- Antara pengisian utama ceramah adalah:
 - Pengenalan kepada konsep alam sekitar dan kepentingannya
 - Amalan kitar semula dan pengurusan sisa pepejal yang betul
 - Peranan masyarakat dalam menjaga kebersihan alam sekitar
 - Kesan negatif terhadap manusia akibat pengabaian penjagaan alam sekitar







**PROGRAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR SEMPENA KEMBARA BULAN
MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS) @ HePiLi DAN CLIMATE COMBAT
PERINGKAT DAERAH KEMAMAN**

Maklumat program

Tarikh : 8.10.2025

Tempat : Sk Seberang Tayor

PENDAHULUAN

Program Pendidikan Alam Sekitar yang dilaksanakan di sekolah-sekolah tidak hanya tertumpu kepada penyampaian ceramah semata-mata, malah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar turut mengambil peluang untuk membuka reruai pameran berkaitan pendidikan alam sekitar di sekolah-sekolah sekitar daerah Kemaman.

Sempena sambutan Bulan Sihat Sejahtera (BMSS) atau Wellness Month, pihak jabatan telah dijemput oleh Sekolah Kebangsaan Mak Lagam untuk bersama-sama memeriahkan program tersebut dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

BMSS atau Wellness Month merupakan salah satu inisiatif utama di bawah agenda nasional Malaysia Sihat (ANMS) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Inisiatif ini selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sihat dan sejahtera melalui pembudayaan gaya hidup sihat dengan pendekatan whole-of-nation.

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid dan warga sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.
- Memberi pendedahan secara interaktif melalui reruai pameran berkaitan kitar semula dan pengurusan sisa pepejal.
- Menyokong inisiatif Bulan Sihat Sejahtera (BMSS) dalam membudayakan gaya hidup sihat.
- Menggalakkan amalan kebersihan dan kitar semula sebagai langkah pencegahan penyakit

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- Pertandingan teka berat

Pertandingan Teka Berat ini merupakan salah satu aktiviti yang menguji keupayaan murid-murid dalam menganggarkan berat sisa yang boleh dikitar semula.



➤ **Permainan Roda Kitar Semula**

- Murid-murid dikehendaki memutar roda dan menjawab soalan berdasarkan warna yang ditunjukkan. Setiap jawapan yang betul akan diberikan hadiah sebagai galakan.



➤ **Pameran berkaitan barangan kitar semula**

- Barangan yang dipamer Adalah bertujuan memberi pendedahan kepada murid-murid berkaitan barangan yang boleh dan tidak boleh dikitar semula serta jangla hayat





PROGRAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (GREEN MINDS, CLEAN EARTH)

MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : 15 Julai 2025
Tempat : Sek Menengah Kebangsaan Kijal

PENDAHULUAN

Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah amat penting dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle. Pendidikan ini melibatkan aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif seperti bermain sambil belajar serta pemerhatian langsung terhadap elemen-elemen kitar semula.

Murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah telah diberi pendedahan awal melalui aktiviti pembelajaran dalam mata pelajaran sains. Pendekatan ini membantu pelajar menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan produk daripada bahan kitar semula hasil daripada pembelajaran tersebut.

OBJEKTIF PROGRAM

- Mendedahkan dan memupuk kesedaran pelajar terhadap kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti taklimat, kuiz dan sesi soal jawab.
- Membantu pelajar memahami tanggungjawab mereka dalam memelihara alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup lestari, seterusnya menjadi contoh (ikon) kepada masyarakat.

IMPAK PROGRAM

Program ini telah memberi pendedahan yang jelas kepada pelajar mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Pelajar menunjukkan minat yang tinggi sepanjang program berlangsung serta lebih memahami konsep kitar semula dan pengurusan sisa pepejal dengan betul.

Selain itu, program ini berjaya memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar untuk mengamalkan gaya hidup lestari serta bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran.







PROGRAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR PERINGKAT DAERAH KEMAMAN MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : 26 Julai 2025
Tempat : Dewan Belian Utama
Penganjur Bersama : SK Bandar Baharu
SK Kuala Kemaman
SJKC Cukai
SJKC Kuala Kemaman
SJKC Lok Khoon

PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi dan pembangunan pesat, isu berkaitan alam sekitar seperti pencemaran, pembuangan sisa tidak terkawal serta kemusnahan ekosistem semakin membimbangkan. Sehubungan itu, pendidikan alam sekitar perlu dijadikan agenda penting yang diterapkan sejak peringkat sekolah rendah bagi melahirkan generasi yang bertanggungjawab serta prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

Menyedari kepentingan tersebut, lima buah sekolah rendah di daerah Kemaman telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program pendidikan alam sekitar bertemakan "Green Minds, Clean Earth" dengan kerjasama strategik Majlis Perbandaran Kemaman. Program ini bukan sahaja memberi kesedaran tentang kepentingan kelestarian alam, malah turut memberi fokus kepada pembangunan sahsiah murid melalui pendekatan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), elemen kebudayaan serta pendekatan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik).

Melalui program ini, murid diberi peluang untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti interaktif seperti permainan stesen, pertandingan reka fesyen dan kolaj daripada bahan kitar semula. Aktiviti-aktiviti ini mampu mencetuskan pemikiran kreatif, memupuk kerjasama serta meningkatkan kesedaran terhadap amalan hijau. Penyertaan seramai 336 orang murid daripada pelbagai kaum dan latar belakang mencerminkan semangat perpaduan dalam menangani isu sejangat berkaitan alam sekitar.

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan kesedaran murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan.
- Menyemai semangat perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum melalui pelaksanaan aktiviti RIMUP.

IMPAK PROGRAM

Program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar. Selain itu, murid juga menunjukkan peningkatan dalam aspek kreativiti, kerjasama dan semangat perpaduan. Penglibatan aktif murid dalam setiap aktiviti membuktikan keberkesanan pendekatan pembelajaran secara interaktif.



**MAJLIS PELUNCURAN PERTANDINGAN KITAR SEMULA (PERKISS)
PERINGKAT SEKOLAH
"TRC RANGERS, PENYELAMAT BUMI"**

PENDAHULUAN

Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah (PerKISS) merupakan satu inisiatif yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 dengan penyertaan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di seluruh Malaysia.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif warga sekolah dalam aktiviti kitar semula melalui penerapan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle. PerKISS menilai beberapa kriteria utama seperti jumlah kutipan barangan kitar semula, tahap komitmen, inisiatif serta inovasi yang ditunjukkan oleh pihak sekolah dan pelajar.

Melalui program ini, para pelajar didedahkan dengan kepentingan penjagaan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal secara sistematik serta kesan pencemaran yang berlaku akibat pembuangan sampah yang tidak terkawal. Secara tidak langsung, program ini dapat membentuk kesedaran dan sikap bertanggungjawab dalam kalangan pelajar terhadap alam sekitar.

Selain itu, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar turut mengambil peluang ini untuk memperkenalkan fungsi dan peranan jabatan kepada pihak sekolah, khususnya dalam membantu menjayakan program-program berkaitan kebersihan dan kitar semula di daerah Kemaman.

Maklumat Program

Tarikh: 20 April 2025 (Ahad)

Masa: 9.00 pagi – 12.30 tengah hari

Tempat: Dewan Sri Taylor

Jabatan Terlibat: Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai konsep kitar semula melalui pendekatan yang menarik seperti permainan pendidikan (contohnya permainan dam ular).
- Meningkatkan kesedaran pelajar tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup lestari.
- Melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berperanan sebagai ejen perubahan dalam masyarakat berkaitan amalan kitar semula.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

➤ Majlis Peluncuran

- Dirasmikan oleh En. Zulkifli bin Tahar, Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar



Simbolik peluncuran



➤ **Permainan kitar semula**

- Pelajar – pelajar dibahagikan kepada 9 kumpulan yang mewakili tahun 1 hingga tahun 6, kelas Pendidikan khas dan pra sekolah. Permainan yang disediakan untuk pelajar Adalah berkonsepkan kitar semula Adalah permainan dam ular.



Cara Permainan:

Permainan ini menggunakan dadu sebagai penentu pergerakan. Pelajar akan membalik dadu dan bergerak mengikut bilangan yang diperolehi. Setiap kali berhenti di sesuatu petak, pelajar perlu membaca maklumat yang disediakan. Petak-petak dalam permainan ini mengandungi informasi berkaitan kitar semula, kesan jika tidak mengamalkan kitar semula, serta amalan baik dalam menjaga alam sekitar.

➤ **Penyampaian hadiah**



PROGRAM PERTANDINGAN REKA CIPTA RAK BUKU DARIPADA SUMBER PLASTIK PERINGKAT SEKOLAH

MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : 15 Ogos 2025 (Jumaat)
Tempat : Dewan Darul Hikmah, Sekolah Bukit Dara Kijal

PENDAHULUAN

Pertandingan Reka Cipta Rak Buku daripada bahan plastik kitar semula telah dianjurkan dengan penglibatan murid-murid serta ibu bapa. Program ini merupakan satu inisiatif bagi menggalakkan pelajar mengamalkan sikap menjaga alam sekitar melalui penggunaan semula bahan terbuang.

Melalui pertandingan ini, para peserta diberi peluang untuk mengoptimumkan penggunaan bahan kitar semula dalam menghasilkan produk yang kreatif dan berfungsi. Rak buku yang dihasilkan bukan sahaja menarik, malah mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan ceria.

Selain itu, program ini juga membuka ruang kepada Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar untuk memperkenalkan fungsi serta peranan jabatan kepada pihak sekolah, khususnya dalam menyokong pelaksanaan program kitar semula di daerah Kemaman.

OBJEKTIF PROGRAM

- Mempromosikan amalan guna semula dan kitar semula dalam kalangan murid dan ibu bapa melalui penghasilan rak buku.
- Mendedahkan pelajar kepada elemen reka bentuk yang praktikal serta ergonomik.
- Meningkatkan kreativiti dan daya inovasi dalam kalangan peserta.

AMNIA 20 TAHUN BADATS PASISTIGIAH

WAKAFUS

SIMPAN SIJAK

PERTANDINGAN REKACIPTA RAK BUKU DARIPADA SUMBER PLASTIK

TUJUAN PERTANDINGAN

MAJLIS TUJUAN KESIHATAN MUDA (MUKA) KAMPUS

TUJUAN PERTANDINGAN: RM10

SYARAT-SYARAT:

1. Pertandingan terbuka kepada semua beberapa murid tahun 1 - 6 semua sekolah daerah Kemaman.
2. Penyertaan adalah secara kumpulan bertiga (1 dewasa 2 murid)
3. Peserta perlu menyiapkan rak buku dalam masa 2 jam (pukul 3 pm-5 pm)
4. Peserta tidak dibenarkan membawa rak buku yang telah siap.
5. Peserta perlu membawa peralatan pertukangan sendiri.
6. Rak buku yang dihasilkan adalah daripada sumber terbuang (70% plastik & 30% sumber lain)
7. Rak buku yang dihasilkan adalah hak milik pihak pengasas
8. Terhad 20 penyertaan

PENDAFTARAN:







**PROGRAM BEACH PLOGGING BERSAMA KOMUNITI, AGENSI KERAJAAN &
BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DI DATARAN PANTAI KUALA KEMAMAN
DAREAH KEMAMAN**

" JOM BERSIH PANTAI"

PENDAHULUAN

Negeri Terengganu sememangnya terkenal sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik, khususnya dengan keindahan dan keunikan pantainya yang menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara. Daerah Kemaman khususnya mempunyai pelbagai pantai yang indah serta sesuai untuk aktiviti riadah bersama keluarga.

Walau bagaimanapun, masalah sampah sarap yang dihanyutkan oleh arus air sering mencemarkan kawasan pantai, terutamanya selepas musim tengkujuh. Sampah ini berpunca daripada kawasan hulu seperti kawasan perumahan, bandar dan kampung yang akhirnya dibawa melalui longkang dan sungai sehingga ke laut sebelum terdampar di pesisir pantai.

Selain itu, fenomena ombak besar serta kejadian banjir juga menyumbang kepada peningkatan jumlah sampah di kawasan pantai. Keadaan ini menyebabkan kawasan pantai yang dahulunya bersih dan indah menjadi tercemar serta menjejaskan imej kawasan pelancongan.

Sehubungan itu, program pembersihan pantai telah dianjurkan bagi menangani isu ini serta memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Program ini melibatkan penyertaan kira-kira 300 orang peserta dan meliputi kawasan sepanjang 1.5 kilometer di sekitar Dataran Kuala Kemaman.

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Menangani masalah sampah sarap yang terdapat di sepanjang kawasan pantai.
- ii. Menceriakan dan mengindahkan kawasan pelancongan daripada pencemaran sampah.
- iii. Mendidik serta meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya pengunjung pantai, tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan awam.
- iv. Memupuk sikap bertanggungjawab dalam kalangan peserta terhadap penjagaan alam sekitar, termasuk kawasan sensitif seperti kawasan pendaratan penyusut.

PELAKSANAAN PROGRAM

Program pembersihan pantai ini telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Aktiviti dimulakan dengan sesi pendaftaran peserta pada awal pagi, diikuti dengan taklimat ringkas mengenai keselamatan dan pembahagian kawasan pembersihan.

Peserta kemudiannya menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan pantai dengan mengutip sampah sarap seperti plastik, botol, sisa makanan dan bahan buangan lain. Sampah yang dikumpulkan telah diasingkan mengikut kategori bagi tujuan pelupusan dan kitar semula.

Sepanjang program berlangsung, para peserta menunjukkan komitmen dan kerjasama yang sangat baik dalam memastikan kawasan pantai dibersihkan dengan efektif.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Program Pembersihan Pantai di Dataran Kuala Kemaman ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini bukan sahaja membantu membersihkan kawasan pantai, malah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan kawasan pantai sentiasa bersih, indah dan selamat untuk dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat



SESI PENDAFTARAAN PESERTA PROGRAM DI MEJA PENDAFTARAAN



**PESERTA PROGRAM DIBERIKAN ALATAN GOTONG ROYONG
(PENYEPIT SAMPAH, SARUNG TANGAN KAIN DAN PLASTIK SAMPAH)**



**SESI TAKLIMAT OLEH EN. ISMAIL , PEN. PEG. KESIH. PERSEKITARAN,
KEPADA PESERTA SEBELUM MEMULAKAN PROGRAM GOTONG ROYONG**



**PESERTA MENDENGAR TAKLIMAT SEBELUM MEMULAKAN PROGRAM
GOTONG ROYONG**



EN. FADLI YUSOF B, ZAKARIA, YANG DIPERTUA, BERSAMA AHLI MAJLIS , PENGARAH JABATAN DAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN BERGANDING DALAM PROGRAM GOTONG ROYONG



**PERSATUAN SAHABAT KEKKAL KEMAMAN (NGO) BERSAMA DALAM
SESI GOTONG ROYONG YANG DIANJURKAN**



**AHLI JAWATAN KUASA MASJID YANG HADIR BERSAMA DALAM
SESI GOTONG ROYONG YANG DIANJURKAN**



**GANG PLASTIK IJA (GPI) (NGO)
BERSAMA DALAM
SESI GOTONG ROYONG
YANG DIANJURKAN**



**ANGGOTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT CHUKAI TURUT SERTA
DALAM SESI GOTONG ROYONG YANG DIANJURKAN**



AHLI MAJLIS BERSAMA PENGARAH
JABATAN MAJLIS PERBANDARAN
KEMAMAN, TURUT SERTA PROGRAM
GOTONG ROYONG



AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN BERSAMA
BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) HADIR SESI PROGRAM
GOTONG ROYONG



**KAKITANGA KKTM KEMAMAN YANG
MENYERTAI SESI GOTONG
ROYONG YANG DIANJURKAN**

**PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA
KECIL DAERAH KEMAMAN HADIR
SESI GOTONG
ROYONG YANG DIANJURKAN**





**ANTARA PESERTA YANG TURUT SERTA BERSAMA-SAMA PADA
SESI GOTONG ROYONG YANG DIANJURKAN!**



**KAKITANGAN DARI PEJABAT BELIA DAN SUKAN KEMAMAN
TURUT HADIR PROGRAM GOTONG ROYONG**



HASIL SAMPAH YANG DIKUTIP SEMASA PROGRAM SAMBIL DI PANTAU BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA BERSAMA AHLI MAJLIS DAN PENGARAH MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN. SAMPAH TERSEBUT TELAH DITIMBANG DAN JUMLAH KUTIPAN MENCECAH +500KG



TUAN YANG DIPERTUA BERSAMA-SAMA PEGAWAI/ KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN BERGANDING BAHU MENGUMPUL SAMPAH UNTUK DIKUMPULKAN DAN DIBUANG SETELAH KESEMUA SAMPAH YANG TIMBANG. KESEMUA SAMPAH TERSEBUT DIBUANG KE DALAM TONG RORO UNTUK DILUPUSAKAN DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH MILIK MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



AHLI MAJLIS, PENGARAH/ KAKITANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN SERTA PESERTA-PESERTA YANG HADIR
PERASMIAN PROGRAM OLEH
ENCIK FADLI YUSOF BIN ZAKARIA
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
SEMPENA PROGRAM *PLOG*

PROGRAM PEMUTIHAN SISA PUKAL DI KAWASAN BERISIKO

Pihak Majlis Perbandaran Kemaman di bawah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar telah menghantar sebuah tong roro untuk diletakkan di taman perumahan atau didalam kampung. Ini bertujuan untuk memastikan penduduk setempat membuang sampah sisa pukal dari kediaman masing-masing ke tempat yang sepatutnya. Antara sisa pukal yang dibuang oleh penduduk adalah seperti alat permainan , perabot dahan pokok dan sebagainya.

OBJEKTIF:-

- i. Dapat menjalinkan kerjasama dan ukhuwah di antara pihak Majlis , JPKK dan penduduk setempat.
- ii. Dapat memupuk dan mendidik masyarakat supaya mengasingkan sampah daripada rumah seperti sisa makanan dan sisa pukal.

Antara lokasi yang telah diadakan pemutihan sisa pukal di kawasan berisiko adalah sepertimana berikut :-

BIL	TARIKH	LOKASI	BERAT SAMPAH
1	16.01.2025	Taman Fikri Fasa 2	4.1 Tan
2	18.01.2025	Taman Fikri Fasa 5	4.4 Tan
3	1.05.2025	Taman Semarak	6 Tan
4	3.5.2025	Taman Semarak	6 Tan
5	21.06.2025	Taman Rakyat Bistari	6 Tan

TAMAN RAKYAT BISTARI BUKIT KUANG



TAMAN SEMARAK



TAMAN FIKRI FASA 2-5



PERJUMPAAN BERSAMA JPKK

PENDAHULUAN

Perjumpaan bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) diadakan sebagai satu platform bagi mengenal pasti isu-isu semasa serta membincangkan aduan yang diterima daripada penduduk berkaitan aspek pembersihan awam di kawasan masing-masing. Perjumpaan ini bertujuan mengukuhkan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat dalam memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa.

Melalui sesi perbincangan ini, pelbagai isu seperti pengurusan sisa pepejal, kebersihan longkang, penyelenggaraan kawasan awam serta keberkesanan perkhidmatan kutipan sampah dapat dikenal pasti dan dibincangkan secara lebih terperinci. Maklum balas daripada pihak JPKK juga amat penting dalam membantu pihak berkuasa merancang tindakan penambahbaikan yang lebih efektif dan bersesuaian dengan keperluan setempat.

Sehubungan itu, perjumpaan ini diharap dapat menjadi medium komunikasi yang berkesan dalam menangani aduan, menyelesaikan masalah serta meningkatkan tahap kebersihan dan kualiti persekitaran awam secara berterusan.

OBJEKTIF

- Mengetahui pasti isu-isu semasa berkaitan pembersihan awam di kawasan setempat.
- Mengumpul dan meneliti aduan penduduk mengenai kebersihan seperti kutipan sampah, longkang tersumbat dan kawasan kotor.
- Meningkatkan komunikasi dan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan JPKK.
- Membincangkan cadangan penyelesaian dan tindakan penambahbaikan yang sesuai.
- Memastikan perkhidmatan pembersihan awam dilaksanakan dengan lebih efektif dan sistematik.
- Meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran.
- Mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa untuk kesejahteraan penduduk.



LAWATAN YANG BERHORMAT EXCO DAN PBT-PBT NEGERI TERENGGANU KE TAPAK PELUPUSAN

PENDAHULUAN

Lawatan ini diadakan bagi memberi pendedahan secara langsung kepada Yang Berhormat EXCO serta wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Terengganu mengenai pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Kerteh dan Bukit Jemalang. Program ini bertujuan untuk melihat sendiri operasi, kaedah pelupusan, serta tahap pematuhan terhadap aspek kebersihan dan alam sekitar yang dilaksanakan di tapak berkenaan.

Selain itu, lawatan ini juga menjadi platform perkongsian maklumat, pengalaman dan amalan terbaik dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien dan mampan selaras dengan keperluan semasa.



Lawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman dan ahli Majlis ke Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Jemalang, Mak Lagam



Lawatan Yang Berhormat Exco Dato, Wan Sukairi dan Yb Ir Saiful ke Tapak Pelupusan Gelugor

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

1

Operasi Haiwan Merayau

2

Penangkapan Anjing Liar

3

Pembersihan Awam

4

Aktiviti Disinfeksi

5

Pemeriksaan tempat pembiakan Nyamuk Aedes

6

Aktiviti Kawalan Perosak

7

Pameran Kesihatan

8

Taklimat Pengendali Makanan

9

Aduan Menebang Pokok / Trim

10

Penggeredan Premis dan Tandas

11

Operasi Pasaraya

OPERASI HAIWAN MERAYAU (LEMBU, KAMBING, KERBAU)

PENDAHULUAN

Operasi haiwan merayau dilaksanakan bagi menangani isu haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan kerbau yang dilepaskan bebas tanpa kawalan di kawasan awam. Kehadiran haiwan ini boleh mengganggu keselamatan pengguna jalan raya, mencemarkan persekitaran serta menimbulkan aduan dalam kalangan penduduk. Sehubungan itu, satu operasi telah dijalankan bagi mengawal dan menangani masalah ini secara berkesan.

OBJEKTIF

- i. Mengawal dan mengurangkan kehadiran haiwan merayau di kawasan awam.
- ii. Menjamin keselamatan pengguna jalan raya dan penduduk setempat.
- iii. Menguatkuasakan peraturan berkaitan penternakan dan kawalan haiwan.
- iv. Meningkatkan kesedaran pemilik haiwan tentang tanggungjawab menjaga ternakan.
- v.

PELAKSANAAN OPERASI

- Operasi dijalankan oleh pegawai penguatkuasa bersama kakitangan terlibat di kawasan yang dikenal pasti mempunyai masalah haiwan merayau.
- Rondaan dilakukan di sekitar jalan utama, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan awam.
- Haiwan ternakan yang ditemui merayau telah ditangkap menggunakan peralatan yang sesuai dan selamat.
- Haiwan yang ditangkap dibawa ke tempat simpanan sementara (depot/kandang) untuk tindakan lanjut.
- Pemilik haiwan dikenalpasti dan tindakan sewajarnya diambil mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

HASIL TANGKAPAN

PERKARA		TAHUN 2025
BIL. OPERASI		50
BIL. TANGKAPAN	Lembu	5
	Kambing	38
	Kerbau	1
JUMLAH		44
BIL. TEBUS	Lembu	4
	Kambing	23
	Kerbau	-
JUMLAH		27
BIL. LELONG	Lembu	1
	Kambing	15
	Kerbau	1
JUMLAH		17
BIL. KOMPAUN		5





PENANGKAPAN ANJING LIAR

PENDAHULUAN

Aktiviti penangkapan anjing liar dilaksanakan susulan aduan yang diterima daripada orang ramai berkaitan kehadiran anjing-anjing yang berkeliaran di kawasan awam. Keadaan ini boleh menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan, kebersihan serta risiko kesihatan kepada penduduk setempat.


Anjing liar yang tidak terkawal berpotensi menjadi agresif, mengganggu ketenteraman awam, serta meningkatkan risiko penularan penyakit seperti rabies dan jangkitan lain. Sehubungan itu, tindakan penangkapan perlu dijalankan secara berhemah, sistematik dan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan semua pihak serta kebajikan haiwan turut diambil kira.

OBJEKTIF

- Menangani aduan orang ramai berkaitan kehadiran anjing liar di kawasan awam.
- Mengurangkan risiko ancaman keselamatan seperti serangan atau gangguan kepada penduduk.
- Mencegah penularan penyakit berjangkit yang boleh dibawa oleh anjing liar.
- Memastikan persekitaran awam lebih bersih, selamat dan terkawal.
- Melaksanakan tindakan penangkapan secara beretika dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

JUMLAH LOKASI

PER/BLN		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
ANJING LIAR	BIL.OPS	15	9	9	13	8	6	13	13	16	14	9	7	132
	BIL.TANGKAPAN	12	13	19	16	15	7	10	17	11	14	28	0	162



PEMBERSIHAN LONGKANG AWAM, WAKAF DAN PASAR


PEMBERSIHAN LONGKANG

Aktiviti pembersihan longkang, pasar awam dan wakaf adalah salah satu tugas bahagian dalam membantu kerja-kerja kontrak pembersihan kawasan. Aktiviti ini dijalankan setiap bulan. Lokasi yang terpilih adalah dibawah premis milik MPK. Tujuan utama adalah untuk memastikan persekitaran kawasan Majlis sentiasa berada dalam keadaan bersih dan cantik.

Antara lokasi yang terpilih adalah sepertimana berikut :-

BIL	LOKASI	CATATAN
1	Bangunan Kemaman Station	Setiap Bulan
2	Medan Selera Jom Makan	
3	Restoran Steven Coffee House & Sukiyang	
4	Bangunan Bistro / Norisqa café	
5	Medan Selera Stesen Bas Cukai	
6	Bangunan Restoran Ibu Ani	
7	Casa Limbong	
8	Jalan Padang Cukai	





PASAR AWAM

BIL	LOKASI	CATATAN
1	Pasar Cukai	Setiap Bulan
2	Pasar Binjai	
3	Pasar Cukai	
4	Cukai	
5	Binjai	



WAKAF AWAM

BIL	LOKASI	CATATAN
1	Jalan Air Putih - Jalan Penghiburan	Setiap bulan
2	Jalan Penghiburan – Jalan Sulaimani	



AKTIVITI DISINFEKSI TEMPAT TUMPUAN AWAM

Kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi di tempat awam telah dijalankan sebagai langkah pencegahan bagi membasmi kuman dan virus yang boleh menyebabkan penularan pandemik COVID-19. Aktiviti ini dilaksanakan secara berkala setiap bulan oleh seramai 7 orang anggota.

Fokus utama sanitasi adalah di lokasi tumpuan orang ramai di sekitar Daerah Kemaman, termasuk kawasan awam seperti pasar, hentian bas, kawasan rekreasi, dan bangunan kerajaan. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen untuk memastikan persekitaran yang bersih, selamat, dan sihat untuk semua. Antara tempat yang di sanitasi adalah sepertimana berikut :-

BIL	PERKARA	CATATAN
1	Pasar awam	Rutin
2	Taman rekreasi	Berkala
3	Hentian bas	Berkala
4	Tandas Awam	Berkala

OBJEKTIF

1. Membasmi kuman dan virus yang berisiko menyebabkan penularan COVID-19 di kawasan tumpuan awam.
2. Meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan persekitaran bagi melindungi kesihatan masyarakat.
3. Memberi keyakinan kepada orang ramai untuk berada di tempat awam dengan rasa selamat.
4. Menyokong usaha kerajaan dalam menangani wabak COVID-19 secara berterusan dan berkesan.
5. Mendidik masyarakat tentang kepentingan penjagaan kebersihan persekitaran dan amalan sanitasi.

PASAR AWAM



HENTIAN BAS



TAMAN AWAM



TAMAN REKREASI DAN ZOO KEMAMAN



PEMERIKSAAN TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES DI TAMAN REKREASI DAN TEMPAT AWAM

LOKASI:

- Taman Rekreasi (senaraikan nama taman)
- Kawasan Awam (senaraikan tempat seperti padang permainan, dewan orang ramai, kawasan parkir, tandas awam, dsb.)

OBJEKTIF:

- Mengenal pasti dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.
- Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pencegahan denggi.
- Memastikan kebersihan persekitaran awam terjaga.

TINDAKAN DIAMBIL:

- Pemusnahan tempat pembiakan (buang air, terbalikkan bekas, bersihkan longkang, dsb.)
- Notis amaran kepada pihak berkenaan (jika berkaitan).
- Penyebaran risalah pendidikan pencegahan denggi kepada pengunjung/pengusaha.
- Cadangan pemasangan perangkap nyamuk atau larvasiding sekiranya perlu.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

- Pemeriksaan berkala (cadangan: setiap 2 minggu).
- Kempen kesedaran awam secara berkala.
- Penyediaan tong sampah bertutup di lokasi strategik.
- Pastikan sistem saliran sentiasa bersih dan tidak bertakung.

KESIMPULAN:

Pemeriksaan ini penting dalam mencegah penularan wabak denggi. Tindakan segera telah diambil untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk Aedes di lokasi-lokasi terlibat. Pemantauan berterusan diperlukan untuk memastikan kawasan ini kekal selamat dan bersih.



Pemeriksaan bekas dan pencegahan yang berpotensi menyebabkan pembiakan.

TEMPAT TUMPUAN AWAM



Pemeriksaan bekas dan pencegahan di tempat tumpuan dan kawasan sekitar yang berpotensi menyebabkan pembiakan.




Pemeriksaan dan pencegahan semasa yang dijalankan terhadap bekas dan kawasan tersekat air yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk.



Pemeriksaan bekas dan pencegahan semasa di persekitaran Taman Rekreasi yang berpotensi menyebabkan pembiakan.

TEMPAT TUMPUAN AWAM



Pemeriksaan bekas dan pencegahan semasa di Taman Rekreasi Awam dan kawasan sekitar yang berpotensi menyebabkan



Pemeriksaan bekas dan pencegahan semasa di persekitaran Taman Rekreasi yang berpotensi menyebabkan pembiakan.

TEMPAT TUMPUAN AWAM



Pemeriksaan bekas dan pencegahan semasa di Taman Rekreasi Awam dan kawasan sekitar yang berpotensi menyebabkan

AKTIVITI KAWALAN PEROSAK (SEMBURAN LIPAS , LALAT DAN TIKUS)

BUTIRAN PROGRAM :

TEMPAT: Pasar awam, Medan Selera dan tempat tumpuan umum

PENDAHULUAN

Aktiviti kawalan perosak merupakan langkah penting dalam memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan bebas daripada ancaman penyakit. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja semburan lalat dan lipas telah dilaksanakan di kawasan terlibat sebagai langkah pencegahan dan kawalan terhadap pembiakan perosak. Aktiviti ini juga bertujuan meningkatkan tahap kebersihan serta kesejahteraan penduduk setempat.

OBJEKTIF

- i. Mengawal dan mengurangkan populasi lalat dan lipas di kawasan terlibat.
- ii. Mencegah penularan penyakit bawaan perosak.
- iii. Meningkatkan tahap kebersihan dan kualiti persekitaran.
- iv. Memberi kesejahteraan dan keselamatan kepada penduduk.
- v. Memastikan aktiviti kawalan perosak dijalankan secara berkesan dan berterusan.

HASIL DAN PENCAPAIAN

- Pengurangan kehadiran lalat dan lipas di kawasan terlibat.
 - Tahap kebersihan persekitaran bertambah baik.
 - Aduan berkaitan perosak menunjukkan penurunan selepas tindakan dijalankan
- ❖ **Aktiviti semburan dijalankan secara berkala bagi memastikan keberkesanan kawalan.**

BULAN	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
KAWALAN LIPAS	2	2	2	2	2	2	1	0	2	2	1	2	20
KAWALAN LALAT	3	2	3	2	3	4	3	0	1	4	2	1	28

PELAKSANAAN AKTIVITI




i. Semburan Lalat

- Semburan racun serangga telah dijalankan di kawasan yang dikenal pasti mempunyai pembiakan lalat seperti kawasan pembuangan sampah, longkang, dan persekitaran premis.
- Bahan semburan yang digunakan adalah mengikut piawaian keselamatan yang ditetapkan.



ii. Semburan Lipas

- Semburan telah dijalankan di kawasan berisiko seperti longkang, stor, kawasan lembap dan sekitar bangunan.
- Tindakan ini bertujuan menghapuskan lipas serta mengawal pembiakannya.
- Pemantauan dilakukan selepas semburan bagi menilai keberkesanan tindakan.



AKTIVITI TANGKAPAN TIKUS

LOKASI:

- ❖ Pasar Borong Cukai
- ❖ Medan Selera Jom Makan
- ❖ Pasar Cukai
- ❖ Pasar Binjai
- ❖ Medan Selera RnR Kemasek
- ❖ Pasar Tani FAMA Cukai
- ❖ Medan Selera Sebelah SMA Al-Falah
- ❖ Medan Selera Geliga (Stesen Bas Lama)
- ❖ Medan Selera RANACO
- ❖ Medan Selera Stesen Bas Cukai
- ❖ Medan Selera Pantai Marina
- ❖ Medan Selera Pantai Mak Nik
- ❖ Kemaman Centre Point
- ❖ Kedai Makan Kemasik (Lampu Isyarat Kemasik)

PENDAHULUAN

Aktiviti tangkapan tikus merupakan salah satu langkah kawalan perosak yang penting dalam memastikan persekitaran sentiasa bersih, selamat dan bebas daripada ancaman penyakit. Kehadiran tikus bukan sahaja menjejaskan kebersihan malah boleh menjadi punca penularan penyakit berbahaya. Sehubungan itu, operasi tangkapan tikus telah dilaksanakan di kawasan terlibat sebagai langkah pencegahan dan kawalan yang berkesan.

OBJEKTIF

- i. Mengawal dan mengurangkan populasi tikus di kawasan terlibat.
- ii. Mencegah penularan penyakit bawaan tikus.
- iii. Meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan persekitaran.

HASIL DAN PENCAPAIAN

- Sebanyak 158 ekor tikus berjaya ditangkap sepanjang tempoh operasi

MASALAH DAN CABARAN

- Kawasan tertentu sukar diakses untuk pemasangan perangkap.
- Sikap segelintir pihak yang tidak menjaga kebersihan menyumbang kepada pembiakan tikus

PELAKSANAAN AKTIVITI

- Perangkap tikus telah dipasang di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi pembiakan dan laluan tikus seperti kawasan longkang, belakang premis, kawasan pembuangan sampah dan tempat tersembunyi.
- Umpan yang sesuai digunakan bagi menarik tikus masuk ke dalam perangkap.
- Pemeriksaan perangkap dilakukan secara berkala bagi memastikan keberkesanan tangkapan.
- Tikus yang berjaya ditangkap dilupuskan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.



PROGRAM KESEDARAN AWAM DAN PAMERAN KESIHATAN

LOKASI

Pasar tani dan Pasar Borong

PENDAHULUAN

Satu program kawalan perosak dan kesedaran awam telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai bahaya perosak seperti tikus serta langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Program ini turut melibatkan aktiviti pameran, demonstrasi tangkapan tikus dan penerangan secara terus kepada orang awam. Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti terhadap kepentingan menjaga kebersihan persekitaran.

OBJEKTIF

- i. Memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya tikus dan perosak lain.
- ii. Menunjukkan kaedah yang betul dalam mengawal dan menangkap tikus.
- iii. Menggalakkan amalan kebersihan bagi mencegah pembiakan perosak.
- iv. Mengeratkan hubungan antara pihak jabatan dan komuniti setempat

PELAKSANAAN AKTIVITI

- i. Pameran berkaitan kawalan tikus dan pencegahan penyakit seperti leptospirosis turut disediakan melalui poster dan bahan informasi.
- ii. Tikus yang telah ditangkap dipamerkan dalam bekas khas sebagai contoh kepada orang awam.
- iii. Edaran risalah serta penerangan secara langsung telah diberikan kepada pengunjung yang hadir.

HASIL DAN PENCAPAIAN

- Masyarakat menunjukkan minat dan kefahaman yang lebih baik mengenai kawalan tikus.
- Peningkatan kesedaran tentang bahaya penyakit bawaan tikus seperti leptospirosis.
- Interaksi dua hala antara petugas dan komuniti berjalan dengan baik.
- Penyampaian maklumat secara praktikal (demonstrasi) memberi impak yang lebih berkesan



TAKLIMAT PENGENDALI MAKANAN

PENDAHULUAN

Taklimat Pengendali Makanan diadakan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua individu yang terlibat secara langsung dalam penyediaan, pengendalian, penyimpanan dan penyajian makanan. Pengendalian makanan yang tidak bersih dan tidak mengikut piawaian boleh menyebabkan pencemaran makanan serta berisiko mengakibatkan keracunan makanan kepada pengguna.


Sehubungan itu, taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kebersihan diri, keselamatan makanan serta pematuhan terhadap peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Melalui taklimat ini, para pengendali makanan diharap dapat mengamalkan cara pengendalian makanan yang betul dan selamat dalam setiap peringkat penyediaan makanan.

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan kepada pengendali makanan mengenai amalan kebersihan diri yang betul.
- Meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan makanan dan risiko pencemaran makanan.
- Memastikan pengendali makanan memahami dan mematuhi peraturan serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Lokasi tempat:

BIL	TARIKH	TEMPAT	BIL PREMIS
1	21.1.2025	Dewan Seri Geliga	45 orang
2	26.05.2025	Dewan Seri Geliga	33 orang
3	23.06.2025	Dewan Sivik Gong Pauh	14 orang
4	19.08.2025	Dewan Sivik Kg Besuut	22 orang
5	14.10.2025	Dewan Seri Geliga	59 orang
6	28.10.2025	Dewan Seri Geliga	51 orang
7	16.11.2025	Dewan Sivik Kerteh	23 orang
8	23.11.2025	Dewan Svik Kerteh	20 Orang





AKTIVITI TEBANG / TRIM POKOK DALAM KAWASAN MPK

PENDAHULUAN

Aktiviti penebangan dan pemangkasan (trim) pokok di kawasan rizab kerajaan dilaksanakan sebagai langkah penyelenggaraan berkala serta tindakan pencegahan bagi menjamin keselamatan orang awam dan harta benda. Pokok-pokok yang telah tua, berisiko tumbang, atau dahan yang terlalu rimbun boleh mendatangkan bahaya terutamanya ketika berlakunya angin kencang, hujan lebat dan ribut.

Selain itu, terdapat juga situasi di mana pokok-pokok yang berada di rizab kerajaan mengganggu laluan, infrastruktur awam seperti kabel elektrik, longkang dan jalan raya. Oleh yang demikian, kerja-kerja tebang dan trim pokok perlu dijalankan secara sistematik dan terkawal bagi mengurangkan risiko kemalangan serta memastikan persekitaran sentiasa selamat, bersih dan terurus.

OBJEKTIF

- Mengurangkan risiko pokok tumbang atau dahan patah yang boleh membahayakan orang awam.
- Memastikan keselamatan kawasan awam terjamin terutama ketika cuaca buruk seperti angin kencang dan ribut.
- Mengelakkan gangguan kepada kemudahan awam seperti jalan raya, talian elektrik dan sistem perparitan.
- Meningkatkan tahap kebersihan dan keceriaan kawasan persekitaran.
- Mengambil tindakan segera terhadap pokok yang rosak, mati atau berisiko akibat faktor cuaca dan keadaan semasa.

PER/BLN		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
POKOK (TRIM/ TEBANG)	BIL. LOKASI	31	20	10	4	10	24	15	15	17	23	28	27	224
	BIL. POKOK	69	43	15	10	11	54	30	53	52	46	39	51	473



PENGREDAN PREMIS DAN TANDAS

PENDAHULUAN

Pengredan premis dan tandas di bawah Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dilaksanakan sebagai satu inisiatif bagi memastikan tahap kebersihan, kesihatan dan penyelenggaraan kemudahan awam sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Program ini melibatkan pemeriksaan berkala terhadap premis perniagaan serta tandas awam bagi menilai pematuhan kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Melalui sistem pengredan ini, setiap premis dan tandas akan dinilai berdasarkan aspek kebersihan, keselamatan, penyelenggaraan serta kemudahan yang disediakan kepada pengguna. Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemilik premis tentang kepentingan menjaga kebersihan dan menyediakan kemudahan yang selesa kepada orang ramai. Secara tidak langsung, program ini dapat meningkatkan imej kawasan serta kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

OBJEKTIF


- Menilai tahap kebersihan dan penyelenggaraan premis serta tandas awam secara sistematik.
- Memastikan pematuhan kepada piawaian dan peraturan yang ditetapkan oleh MPK.
- Meningkatkan kesedaran pemilik premis tentang kepentingan kebersihan dan kesihatan persekitaran.
- Memberi penarafan (gred) sebagai panduan kepada orang awam terhadap tahap kebersihan premis.
- Menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan pengusaha premis untuk mengekalkan kebersihan dan kualiti perkhidmatan.

PER/BLN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
GRED A	7	19	0	8	5	5	11	14	0	0	0	0	69
GRED B	29	44	0	19	17	31	21	24	0	0	0	0	185
GRED C	0	3	0	3	2	1	0	2	0	0	0	0	11

❖ PREMIS



❖ TANDAS
❖



OPERASI PEMERIKSAAN PASARAYA

PENDAHULUAN

Operasi pemeriksaan pasaraya dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai langkah pemantauan berterusan bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan makanan serta pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi. Pasaraya merupakan premis tumpuan orang ramai yang menyediakan pelbagai barangan keperluan harian termasuk makanan basah dan kering, justeru aspek kebersihan dan keselamatan perlu diberi perhatian serius.

Pemeriksaan ini meliputi aspek kebersihan premis, pengendalian makanan, penyimpanan barang, tarikh luput, pelabelan serta keadaan persekitaran dalam pasaraya. Melalui operasi ini, tindakan penguatkuasaan dapat diambil terhadap mana-mana premis yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan, sekaligus melindungi kesihatan dan kebajikan pengguna.

OBJEKTIF

- Memastikan pasaraya mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- Menilai tahap kebersihan premis serta persekitaran pasaraya.
- Memastikan makanan dan barangan yang dijual selamat, bersih dan tidak melepasi tarikh luput.
- Memantau kaedah penyimpanan dan pengendalian makanan yang betul.
- Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang tidak mematuhi peraturan.

BIL	AGENSI TERLIBAT	PASARAYA	KAMPOUN
1	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Ahli Majlis ❖ Mpk ❖ Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman ❖ Pejabat Di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (Kdnk) 	Samamaju (B) Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Alat Penimbang Telah Tamat Tempoh – Rm 500 ❖ Barangan Telah Tamat Tempoh – Rm3000 Di Bawah Sek.14(9)(B) Peraturan Makanan 1985 ❖ Notis Kebersihan ❖ Notis Tukar Aktiviti

